

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MALAM AMAL PEMENTASAN DRAMA  
Lokasi : DEWAN BANDARAYA, JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 03-05-1985

Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk berucap kepada sidang hadirin yang dihormati sekalian pada malam ini. Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak penganjur yang telah berusaha mengadakan malam amal ini untuk mengutip derma bagi Pusat Kemajuan Wanita Ipoh dan Wanita Perkim Kuala Lumpur Utara.

Di samping itu juga, Pementasan Drama ini akan dapat memberi kesedaran serta keinsafan kepada murid-murid, para belia dan ibubapa mengenai penyalahgunaan dadah di kalangan rakyat negara ini.

2. Sesungguhnya usaha yang dijalankan oleh pihak penganjur ini merupakan satu langkah yang terpuji dan seharusnya menjadi contoh dan teladan kepada pihak-pihak lain untuk sama-sama bertanggungjawab untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di negara kita. Adalah diharapkan lebih banyak lagi pertubuhan-pertubuhan sukarela akan tampil untuk bersama-sama memainkan peranan dalam hal ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Kerajaan sedang berusaha sedaya-upaya untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat ke peringkat yang boleh dibanggakan. Ini dapat dilihat daripada rancangan-rancangan dan projek-projek pembangunan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Namun begitu, orang ramai selalu mentafsirkan pembangunan sebagai usaha-usaha mendirikan bangunan-bangunan, lebuh raya dan lain-lain yang berbentuk fizikal. Sebenarnya, pembangunan termasuklah juga aspek-aspek kemanusiaan seperti peningkatan tahap pelajaran, kesihatan, menanam sikap positif dan sebagainya. Justeru itu pembangunan merangkumi juga nilai peribadi dan mutu hidup manusia. Pembangunan adalah kesejahteraan yang tercapai melalui kesopanan hidup dan juga ketenteraman kerohanian. Ianya merupakan proses pembentukan masyarakat manusia yang berperadaban tinggi dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mulia.

4. Penyalahgunaan dadah di negara kita kini menjadi satu masalah yang membimbangkan. Kita mesti mengambil tindakan yang lebih tegas untuk mengatasinya. Kegagalan usaha-usaha kita dalam memerangi dan membanteras gejala ini bukan sahaja akan menghancurkan generasi kita, malah, lebih buruk lagi, generasi akan datang dan negara keseluruhannya. Pihak Kerajaan telah mengambil berbagai usaha untuk mempertingkatkan lagi pembenterasan masalah ini. Namun demikian, usaha-usaha ini tidak akan begitu berkesan jika rakyat sendiri tidak sama-sama bertindak memerangi gejala ini.

5. Peratus mereka yang dapat diselamatkan daripada gejala dadah mungkin kecil. Tetapi kita yakin bahawa melalui usaha-usaha yang tidak putus-putus kita akan dapat menyelamatkan mereka yang belum terlibat dan kanak-kanak serta belia-belia yang belum terjerumus ke lembah yang hina ini. Satu cara yang boleh menyelamatkan mereka ialah dengan mengadakan kemudahan-kemudahan yang boleh menarik minat serta perhatian muda-mudi yang dapat mengasingkan mereka daripada unsur-unsur buruk yang boleh membawa kepada penyalahgunaan dadah, di samping melengkapi mereka dengan pengetahuan tentang betapa bahayanya penyalahgunaan dadah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Amatlah penting bagi tiap-tiap keluarga mengambil usaha utama dalam menentukan pendidikan amal yang sempurna bagi anak-anak yang masih muda di samping mengawasi gerak-laku mereka sepanjang masa.

7. Kita tentu tidak mahu melihat akibat buruk yang akan merosakkan rumahtangga, harta benda, menjatuhkan maruah dan nama baik keluarga oleh ahli keluarga kita sendiri yang terjerumus ke dalam penyalahgunaan dadah. Akibat yang akan melanda kita yang disebabkan oleh penagih-penagih dadah terlalu besar. Ianya menimbulkan berbagai masalah masyarakat seperti jenayah, persengketaan, lemah keimanan, rendah kesopanan dan melemahkan tahap ketahanan rakyat sebagai warganegara. Seterusnya, penagih-penagih dadah boleh menyebabkan keadaan ekonomi negara ini turut terjejas apabila kita kehilangan tenaga rakyat yang berguna untuk meninggikan pengeluaran negara. Anasir-anasir subversif memang menungu-nunggu supaya lebih ramai rakyat negara kita yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah kerana ini akan memberi kesempatan kepada mereka untuk menjalankan muslihat dan rancangan jahat mereka.

8. Mengetahui masalah dan akibat daripada keadaan-keadaan ini, maka saya mengambil kesempatan ini menyeru supaya usaha-usaha yang lebih tegas dapat diambil oleh badan-badan sukarela. Adalah juga diharapkan supaya kegiatan-kegiatan runding-cara meningkatkan peranan mereka dan menjalankannya secara lebih hati-hati untuk menjamin keyakinan mereka yang telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Mudah-mudahan dengan usaha-usaha bersepadu yang dilakukan oleh semua pihak, kita akan dapat mengatasi masalah yang melanda kita semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur Pementasan Drama malam ini. Moga-moga usaha dan tujuan murni kita ini akan mencapai kejayaan.

Terima kasih.